## ALMAZ ARCHITECT SDN. BHD.

Established 1994



### KUANG RETREAT

Rumah Hinggap Kuang ialah rumah holistik, rumah kunjungan pada hujung minggu yang terletak di kawasan seluas 2 ekar dan harmoni dengan alam semulajadi dan iklim tropika. Kelestarian menjadi kunci kepada pemilihan bahan, seni reka, penggunaan tenaga, landskap dan sensitiviti budaya. Berciri mampu diri, rumah ini sepadan dengan persekitaran dan menjadi tempat meninggalkan hiruk pikuk dunia luar, dengan kehadiran kuda, kambing, ayam, pokok tropika, dusun, bunga-bunga mewangi, tapak kebun sayuran dan herba ubat. Kontemporari namun masih dibuai tradisi, Rumah Hinggap Kuang menjadi jendela kepada ilmu baharu dalam pertanian dan kesejahteraan. Pada dasarnya, ia merupakan rumah yang mengalu-alukan

Kuang Retreat is a holistic home, a weekend house on a 2-acre site which exists with nature and the tropical climate. Sustainability is key to the selection of materials, design, use of energy, landscape and cultural sensitivities. The home is self-sufficient, blended into the environment and a retreat from the outside world, with horses, goats, chickens, tropical hardwood trees, orchard, fragrant flowers, a vegetable patch and medicinal herbs. Contemporary yet traditional, Kuang Retreat is a window to new knowledge in agriculture and wellbeing. At its heart, it is an absolutely welcoming abode












### WISMA TANI

Warisan moden, bangunan mercu tanda Kementerian Pertanian yang terletak di tebing sungai menawarkan pelbagai kemungkinan dalam menyatukan unsur biokepelbagaian dengan konsep warisan. "Tangga Melaka" yang ikonik menandakan beberapa laluan masuk ke dalam bangunan, manakala landskap mengenengahkan tumbuhan yang digunakan dalam perubatan herba dan minyak pati. Motif pada podium mencerminkan "Tabir Melaka" manakala anak tingkap di menara mencerminkan "Bidai Kayu Melaka"

A modern heritage, the Malaysian Ministry of Agriculture is a landmark perched near a river estuary that offers endless possibilities to incorporate elements of biodiversity anchored within a heritage concept. The iconic "Melaka Steps" mark several entrances to the building, while the landscape features plants used in herbal medicine and essential oils. Motifs on the podium reflect "Melaka Screens" while louvres on the tower reflect "Melakan Timber Shutters"